

Perutusan Hari Krismas

24 Disember 2000

Saya dan isteri saya mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia yang menganut agama Kristian.

Saya berasa gembira sambutan perayaan Hari Krismas di negara kita dapat diadakan dalam suasana aman dan meriah.

Walaupun negara kita mempunyai penduduk yang berbilang kaum dan agama, perayaan atau sambutan hari-hari kebesaran masing-masing agama dapat dilangsungkan tanpa halangan atau gangguan. Keadaan ini boleh wujud kerana rakyat kita menghargai keamanan dan menghormati kepercayaan masing-masing.

Keadaan ini hendaklah kita kekalkan sepanjang masa kerana ia akan lebih membawa manfaat kepada perpaduan dan keharmonian kaum dan kemajuan negara.

Kerajaan akan sentiasa berusaha memastikan penduduk negara ini dapat hidup bersatu padu dan dalam kesejahteraan dan kemakmuran.

Sekiranya ada tanda-tanda atau cubaan oleh mana-mana pihak untuk merosakkan keharmonian antara kaum kita dengan mempermainkan isu-isu sensitif seperti agama dan kaum, Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka mengikut undang-undang negara yang sedia ada.

Pihak Kerajaan memandang serius terhadap mana-mana pihak yang cuba menggunakan isu-isu sensitif untuk kepentingan kaum atau untuk mendapat pengaruh atau menarik perhatian kepada mereka.

Rakyat perlu sedar dalam negara majmuk seperti Malaysia, perpaduan dan kerjasama antara kaum adalah faktor penting bagi menjamin kestabilan, kemajuan dan kemakmuran negara.

Dengan harapan ini sekali lagi saya dengan isteri saya mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Kristian.